

Roll No.

--	--	--	--	--	--	--

Candidates must write the Code on the title page of the answer-book.

- Please check that this question paper contains **18** printed pages.
- Code number given on the right hand side of the question paper should be written on the title page of the answer-book by the candidate.
- Please check that this question paper contains **10** questions.
- **Please write down the Serial Number of the question before attempting it.**
- 15 minute time has been allotted to read this question paper. The question paper will be distributed at 10.15 a.m. From 10.15 a.m. to 10.30 a.m., the students will read the question paper only and will not write any answer on the answer-book during this period.

SUMMATIVE ASSESSMENT – II

BAHASA MELAYU

Time allowed : 3 hours

Maximum Marks : 90

Masa : 3 jam

Markah : 90

*The question paper is divided into **four** sections :*

Section A : Reading Comprehension 20 marks

Section B : Writing 20 marks

Section C : Grammar 25 marks

Section D : Literature 25 marks

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi **empat** bahagian, iaitu **Bahagian A, B, C, dan D**.
2. **Bahagian A** terdiri daripada **Soalan 1** yang mengandungi **empat** bahagian, iaitu **(i), (ii), (iii), dan (iv)**. Anda diwajibkan menjawab semua bahagian tersebut.
3. **Bahagian B** terdiri daripada **Soalan 2** yang mengandungi **tiga** bahagian, iaitu **(i), (ii), dan (iii)**. Anda diwajibkan menjawab semua bahagian tersebut.
4. **Bahagian C** terdiri daripada **Soalan 3, 4, 5, dan 6** yang mengandungi 30 soalan tatabahasa. Jawab semua soalan.
5. **Bahagian D** terdiri daripada **Soalan 7, 8, 9, dan 10**. Kesemua soalan dalam bahagian ini ialah soalan KOMSAS. Anda dikehendaki menjawab semua soalan.
6. Anda dinasihati supaya mengambil masa untuk menjawab soalan **Bahagian A (50 minit), B (40 minit), C (40 minit), dan D (30 minit)**.
7. Anda dikehendaki menulis jawapan dalam kertas jawapan yang telah disediakan.
8. Anda diberi masa **15 minit** untuk membaca kertas soalan. Anda **tidak** dibenarkan menulis atau membuat sebarang catatan dalam tempoh tersebut.
9. Kertas soalan ini mengandungi **17 muka surat** sahaja.

Bahagian A
[20 Markah]

SOALAN 1

(i) **Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya.**

(5 Markah)

Yang Berusaha Guru Besar Sekolah Kebangsaan Serdang, guru-guru, ibu bapa, dan murid-murid yang saya kasihi. Selamat pagi dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak sekolah kerana sudi mengundang saya untuk menyampaikan ceramah berkaitan keselamatan di jalan raya. Ini bersesuaian dengan tema kempen, iaitu “Berhemah di Jalan Raya.” Syabas dan tahniah diucapkan kepada jawatankuasa kerana telah berjaya menganjurkan “Kempen Keselamatan Jalan Raya” di sekolah ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Saban waktu, media massa dan media cetak memaparkan kes-kes kemalangan jalan raya. Situasi ini telah membuktikan bahawa keselamatan di jalan raya tidak dipandang serius oleh para pengguna. Yang lebih menyedihkan lagi apabila mangsanya terdiri daripada murid-murid sekolah. Sebagai pengguna jalan raya, kita mestilah sentiasa mematuhi peraturan semasa berada di jalan raya.

Hakikatnya, tiada siapa pun yang mahu terlibat dalam kemalangan. Namun, malang tidak berbau. Kecuaian manusia menjadi punca utama. Apabila tiba musim perayaan, isu yang sering kali dibincangkan dan dibangkitkan adalah tentang kemalangan jalan raya. Hal ini dikatakan demikian kerana sepanjang tempoh perayaan, jumlah kemalangan maut, kecederaan parah, dan cedera ringan meningkat secara mendadak berbanding dengan hari biasa. Nasihat dan sarana daripada pihak berkuasa *ibarat mencurahkan air ke daun keladi*.

Oleh itu, “Kempen Keselamatan Jalan Raya” dapat dilihat sebagai satu saluran untuk memberikan pendedahan dan pendidikan tentang kepentingan menjaga keselamatan ketika berada di jalan raya. Selain itu, melalui ceramah ini diharapkan kita semua dapat mendisiplinkan diri dan mengamalkan nilai murni ketika berada di jalan raya seperti menghormati orang lain, sabar dan patuh akan undang-undang. Saya berharap agar amalan baik ini dapat membentuk insan yang harmoni, sentiasa rasional dan mementingkan keselamatan dan seterusnya melahirkan masyarakat yang cemerlang dan penyayang.

Akhir kata, saya berharap agar nasihat dan pesanan yang telah saya sampaikan tadi dijadikan panduan agar keselamatan kita akan lebih terjamin. Janganlah sudah terhantuk baru hendak tengadah. Sekian, terima kasih.

1. Apakah sebab utama berlakunya kemalangan jalan raya?
 - A. Kealpaan pengguna jalan raya.
 - B. Ketegasan pengguna jalan raya.
 - C. Ketegaran pengguna jalan raya.
 - D. Keegoan pengguna jalan raya.

2. Apakah tujuan utama murid-murid dilibatkan dalam kempen ini?
- A. Mementingkan diri dan mewujudkan masyarakat yang cemerlang.
 - B. Melahirkan insan harmoni yang sentiasa rasional.
 - C. Menyedari kepentingan menjaga keselamatan jalan raya.
 - D. Menghargai orang lain, sabar, dan akur akan undang-undang.

ibarat mencurahkan air ke daun keladi

3. Apakah yang dimaksudkan dengan peribahasa di atas?
- A. Menyampaikan maklumat yang tidak tepat.
 - B. Memberikan pendapat yang sukar dilaksanakan.
 - C. Mengemukakan pandangan yang sukar diterima.
 - D. Memberi nasihat yang tidak dapat meresap di hati.
4. Berikut adalah seruan penceramah kepada murid-murid sekolah, **KECUALI**
- A. Mengakui peraturan dan melaksanakan nilai-nilai murni.
 - B. Mematuhi nasihat dan pesanan untuk dijadikan panduan.
 - C. Mengutamakan keselamatan diri sahaja ketika di jalan raya.
 - D. Menjadi insan harmoni yang sentiasa berfikiran waras.
5. Pilih pernyataan yang tidak benar tentang petikan di atas.
- A. Keselamatan jalan raya menjadi topik hangat semasa musim perayaan.
 - B. Kemalangan jiwa, kecederaan parah dan cedera ringan berlaku setiap hari.
 - C. Pengguna jalan raya tidak mengambil berat berkaitan isu keselamatan jalan raya.
 - D. Pihak sekolah diberi pujian kerana berjaya mengadakan kempen ini.

(ii) **Baca diari di bawah ini dengan teliti. Kemudian, jawab soalan yang berikutnya.**

(5 Markah)

Hari pertama cuti persekolahan akhir tahun, kami sekeluarga sibuk membuat persiapan seperti menyiapkan pakaian dan barangan keperluan yang lain. Esok kami akan bertolak ke Pulau Langkawi.

19 November 2012

Aku sekeluarga bertolak ke Ipoh terlebih dahulu. Kami bermalam di rumah Pak Long. Selepas makan tengah hari, kami meneruskan perjalanan. Kami singgah di Pulau Pinang dan bermalam di sebuah hotel. Kami menjamu selera nasi kandar yang memang terkenal di negeri itu. Ibu juga membeli jeruk buah pala, buah salak, dan buah mangga yang dijual dengan harga yang murah dan berpatutan.

20 November 2012

Kami sampai di jeti Kuala Perlis. Kami menaiki feri ke Pulau Langkawi. Sungguh indah pemandangan di pulau tersebut. Aku berasa sungguh seronok kerana itu pengalaman pertamaku menaiki feri. Kami menginap di sebuah hotel yang berhampiran dengan Pekan Kuah yang menjadi pusat para pelancong membeli-belah.

21 November 2012

Pagi-pagi lagi kami sudah bersiap untuk melawat tempat-tempat menarik seperti Makam Mahsuri, kilang membuat minyak gamat, Telaga Tujuh, Kampung Beras Terbakar, dan banyak lagi. Kami pergi membeli-belah. Kami membeli kain batik, coklat, pinggan mangkuk yang dijual dengan harga yang murah dan berpatutan. Ibulah yang paling seronok membeli-belah. Ibu banyak membeli coklat sebagai buah tangan apabila pulang nanti.

22 November 2012

Kami berkelah di Pulau Chenang sebelum bertolak ke Melaka. Aku bagaikan tidak mahu meninggalkan pulau legenda itu. Percutian keluarga kali ini amat menyenangkan. Inilah pengalaman manis yang tidak dapat aku lupakan.

1. Bilakah cuti persekolahan bermula?
 - A. 18 November 2012
 - B. 19 November 2012
 - C. 20 November 2012
 - D. 21 November 2012
2. Di manakah Pak Long tinggal?
 - A. Ipoh
 - B. Melaka
 - C. Pulau Pinang
 - D. Pulau Langkawi
3. Apakah aktiviti yang dilakukan pada hari ketiga ketika berada di Pulau Langkawi?
 - A. Membeli-belah.
 - B. Melawat tempat menarik.
 - C. Berkelah di Pantai Chenang.
 - D. Bertolak pulang ke Melaka.
4. Pernyataan berikut adalah **tidak benar** tentang percutian, **KECUALI**
 - A. Penulis bermalam di Ipoh dan Pulau Pinang sebelum ke Pulau Langkawi.
 - B. Ibu penulis banyak membeli kain batik dan pinggan mangkuk.
 - C. Penulis dan keluarganya menaiki kereta ke Pulau Langkawi.
 - D. Penulis berada selama lima hari di Pulau Pinang.
5. Berapa buah tempat persinggahan yang dikunjungi oleh penulis sebelum ke Pulau Langkawi?
 - A. Satu
 - B. Dua
 - C. Tiga
 - D. Empat

(iii) Baca berita di bawah ini. Kemudian, jawab soalan yang berikutnya.

(5 Markah)

KUALA TERENGGANU, 15 Julai- Rumah Merah telah muncul johan keseluruhan dalam Kejohanan Sukan Sekolah Kebangsaan Seri Melati. Kejohanan tersebut yang julung kali diadakan itu berlangsung di padang sekolah berkenaan pada pagi semalam. Encik Mahmud bin Yusoff, guru besar sekolah itu telah merasmikan kejohanan sukan tersebut.

Dalam ucapan perasmianya, beliau telah mengatakan bahawa tujuan utama kejohanan itu adalah untuk memberi peluang kepada semua murid menunjukkan bakat mereka dalam bidang sukan. Selain itu, pihak sekolah juga berpeluang memilih wakil sekolah ke kejohanan sukan peringkat daerah.

Turut memeriahkan kejohanan sukan kali ini ialah Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sekolah berkenaan, Encik Ghazali bin Amin, ibu bapa, dan bekas murid sekolah berkenaan. Kejohanan ini telah disertai oleh murid daripada Rumah Hijau, Rumah Merah, dan Rumah Biru.

Pelbagai acara diadakan sepanjang kejohanan ini berlangsung. Antara yang menjadi tumpuan ialah acara pecut 100 meter. Adik Danish bin Zain yang disebut-sebut bakal mengungguli acara berkenaan. Walau bagaimanapun, adik Danish gagal memenangi acara tersebut kerana telah mengalami kekejangan otot dan peluang ini telah digunakan sepenuhnya oleh peserta daripada Rumah Hijau, iaitu adik Aiven Tay yang berada di tempat ketiga.

Pada akhir kejohanan tersebut, Rumah Hijau telah diisytiharkan menduduki tempat kedua, manakala tempat ketiga diraih oleh pasukan Rumah Biru. Guru Besar telah menyampaikan hadiah kepada para penenang.

1. Siapakah yang merasmikan kejohanan sukan tersebut?
 - A. Encik Mahmud bin Yusoff
 - B. Encik Ghazali bin Amin
 - C. Aivien Tay
 - D. Bekas murid Sekolah Kebangsaan Seri Melati
2. Rumah manakah yang menjadi naib johan dalam kejohanan sukan tersebut?
 - A. Rumah Merah
 - B. Rumah Biru
 - C. Rumah Hijau
 - D. Rumah Kuning
3. Kejohanan sukan ini merupakan buat kali _____ diadakan.
 - A. pertama
 - B. kedua
 - C. ketiga
 - D. keempat

4. Siapakah yang memenangi tempat pertama dalam acara 100 meter?
- A. Danish bin Zain
 - B. Hassan bin Basri
 - C. Ramesh
 - D. Aiven Tay
5. Pernyataan di bawah adalah benar **KECUALI**
- A. Acara lari 100 meter ialah acara yang mendapat perhatian.
 - B. Peserta Rumah Hijau telah mencipta rekod baru dalam acara 100 meter.
 - C. Kejohanan Sukan Sekolah Seri Melati telah berlangsung pada 15 Julai.
 - D. Rumah Hijau merupakan juara dalam Kejohanan Sukan Sekolah Kebangsaan Seri Melati.

(iv) **Baca rencana di bawah ini. Kemudian, jawab soalan yang berikutnya.**

(5 Markah)

Keladi bunting merupakan satu hiasan tanaman akuatik yang menarik dan popular dalam kalangan masyarakat kini. Tanaman hiasan ini merupakan sejenis tanaman yang terapung pada permukaan air yang datangnya daripada keluarga Pontederiaceae. Keladi bunting banyak digunakan untuk menghiasi taman air yang bertemakan ala Bali, Nusantara atau tropika. Ia dikatakan berasal daripada keluarga di Amerika, Tripoka.

Daunnya yang membesar dan membuncit dipenuhi dengan pundi udara yang membolehkannya timbul pada permukaan air. Ia juga digelar “Water Hyacinths” kerana bunganya mirip bunga Hyacinths. Kelopak bunganya berwarna biru ungu muda dengan corak ungu tua dan kuning di tengah salah satu kelopaknya. Corak ini juga seakan-akan seperti terdapat pada ekor burung merak.

Air merupakan medium tanaman khusus untuk pokok ini. Air hujan ialah medium terbaik untuk hidup subur. Keladi bunting ini memerlukan pencahayaan matahari yang secukupnya kerana ia dapat membantu keladi bunting hidup subur, membiak, dan cepat berbunga. Baja kimia cecair atau garam larut boleh digunakan sebagai baja, iaitu dengan hanya melarutkan terus ke dalam medium tanamannya.

Pokok keladi bunting ini agak tahan lasak kerana ia boleh hidup dalam keadaan semula jadi yang kurang nutrien dan dalam air yang kotor seperti di dalam parit. Pokok dewasa akan mengeluarkan banyak anak sulur yang tumbuh daripada sisinya jika diberikan pembajaan dan dedahan kepada cahaya matahari yang cukup. Anak pokok ini boleh dipotong untuk dipisahkan daripada induk agar ia tumbuh menjadi pokok baharu. Pokok ini diminati ramai kerana mempunyai bunga yang unik dan menarik untuk dijadikan tanaman hiasan.

1. Apakah medium utama yang diperlukan dalam penanaman keladi bunting?
- A. Pasir pantai
 - B. Air dan cahaya matahari
 - C. Tanah pamah yang berpasir
 - D. Garam galian dan baja kimia

2. Mengapa pokok ini memerlukan pendedahan cahaya matahari secukupnya?
 - A. Menghasilkan anak pokok yang banyak.
 - B. Mengelakkan daripada layu dan mati dengan cepat.
 - C. Untuk tumbuh dengan subur dan cepat berbunga.
 - D. Menghasilkan bunga yang banyak dan berwarna-warni.
3. Kenapakah pokok keladi bunting boleh terapung pada permukaan air?
 - A. Mempunyai pundi udara di bahagian bawah daunnya.
 - B. Mempunyai daun-daun yang ringan dan mudah terapung.
 - C. Mempunyai daun-daun yang lebar dan nipis.
 - D. Mempunyai akar yang boleh mencengkam di dalam air.
4. Pokok keladi bunting ini berasal dari keluarga Pontederiaceae di _____.
 - A. Benua Amerika
 - B. Kepulauan Nusantara
 - C. Bali, Nusantara
 - D. Amerika, Tropika
5. Pernyataan di bawah adalah benar, **KECUALI**
 - A. Hanya baja dalam bentuk tablet yang digunakan untuk tanaman keladi.
 - B. Keladi bunting menghasilkan bunga dalam tiga warna yang berbeza.
 - C. Tumbuhan keladi ini merupakan tanaman hiasan yang sangat menarik.
 - D. Anak pokok dihasilkan daripada sulur yang tumbuh di sisi pokok induk.

Bahagian B [20 Markah]

SOALAN 2

- (i) Baca petikan di bawah dengan teliti dan tulis satu ringkasan **tentang kepentingan sukan dalam meningkatkan kecemerlangan murid**. Panjang ringkasan hendaklah **tidak melebihi 80 patah perkataan**. Anda digalakkan menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

(5 Markah)

Sukan ialah segala kegiatan yang memerlukan kemahiran atau ketangkasan serta tenaga seperti berenang, permainan bola sepak, tenis, lumba lari, dan sebagainya. Aktiviti ini dilakukan sebagai acara pertandingan, hiburan atau untuk menyihatkan badan atau riadah. Sukan dapat meningkatkan disiplin murid. Individu yang mempunyai disiplin yang tinggi, mampu mengawal diri sendiri untuk mematuhi peraturan yang ditetapkan. Disiplin juga membentuk seseorang agar berkelakuan baik. Murid akan mematuhi arahan dan akur pada nasihat ibu bapa seperti menghormati orang yang lebih tua, bersopan santun dan taat pada agama.

Seseorang murid yang aktif dalam kegiatan sukan akan terdidik untuk mengagihkan masa dengan sewajarnya. Dia akan menentukan masa untuk bersukan dan masa untuk

belajar. Biasanya, murid-murid inilah yang akan memberikan perhatian yang sepenuhnya ketika pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Majlis Sukan Negara (MSN) sedar bahawa sukan mampu melahirkan insan yang sihat dari segi fizikal dan mental. Oleh sebab itu, MSN memberikan sokongan kepada kegiatan sukan dan mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan yang dijalankan di sekolah. Tidak cukup dengan itu, pihak Kementerian Belia dan Sukan telah bekerjasama dengan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia untuk membina lebih banyak sekolah sukan seperti Sekolah Sukan Bukit Jalil.


Untuk mencapai kejayaan dalam kehidupan, seseorang harus berfikir positif dan mempunyai keyakinan diri. Di samping itu, aktif bersukan membolehkan seseorang itu mempunyai akal yang sempurna untuk berfikir. Hal ini demikian kerana mereka akan berfikir rasional untuk membuat keputusan dengan baik. Sukan juga menerapkan semangat berpasukan yang tinggi. Mereka sering berganding bahu untuk membantu pasukan menempa kejayaan. Murid yang aktif bersukan akan mempunyai semangat juang yang kental. Mereka juga berupaya untuk menerima kegagalan secara positif apabila kecundang dalam sesuatu pertandingan.

(Dipetik dan diubah suai daripada rencana 'Pentingnya Sukan dalam Meningkatkan Kecemerlangan Pelajar' Aminuddin Mansor, Fokus, Januari 2004)

- (ii) Huraikan pendapat anda tentang **cara untuk menjaga alam sekitar**. Panjang huraian anda hendaklah **tidak melebihi 150 patah perkataan**. (5 Markah)



elakkan pembakaran terbuka



menanam pokok

- (iii) Tulis sebuah karangan tentang **salah satu** daripada perkara di bawah. Panjang karangan anda hendaklah **tidak melebihi 150 patah perkataan**. (10 Markah)

- (a) Kelab Bahasa Melayu di sekolah anda telah mengadakan lawatan ke Perpustakaan Negara, Kuala Lumpur baru-baru ini. Anda selaku setiausaha kelab dikehendaki menulis satu laporan lengkap tentang lawatan tersebut.

atau

- (b) Kadar kemalangan jalan raya semakin meningkat. Tuliskan punca terjadinya kemalangan jalan raya tersebut.

[25 Markah]

SOALAN 3

Susun semula frasa yang berikut supaya menjadi ayat yang lengkap.

(5 Markah)

- i. gelap-gelita setelah terputus sewaktu Rumah kami bekalan elektrik
hujan lebat pagi tadi
- ii. sejak kecil kerana hendak menjadi askar ingin mencurahkan
Ramasamy bercita-cita bakti kepada tanah air.
- iii. dalam pertandingan Monisha tersenyum piala yang dimenangnya
sambil menjulang syarahan di sekolahnya.
- iv. seperti telefon awam. ialah perbuatan benda awam merosakkan harta
Vandalisme
- v. tangkapan nelayan berkurangan di perairan Malaysia Kehadiran nelayan asing
menyebabkan hasil serta mengganggu keamanan perairan.

SOALAN 4

Ayat di bawah ini **mungkin betul** atau **mungkin salah** . Tandakan **A** , **B** , atau **C** jika ayat itu mempunyai kesalahan dan tandakan **D** jika tiada kesalahan.

(10 Markah)

- i. Semua murid-murid diminta berhimpun di padang kerana acara merentas desa akan bermula sekejap lagi. Tiada kesalahan.
- A B
C D

- ii. Jaya tidak pernah mengharapkan pertolongan daripada orang lain di dalam meneruskan
kehidupannya. Tiada kesalahan.
A B C D
- iii. Semenjak berselisihan faham, perhubungan antara kedua-dua orang sahabat itu menjadi
dingin. Tiada kesalahan.
A B C D
- iv. Kemudahan dan perkhidmatan yang telah disediakan oleh pihak hotel kepada pelancung
sangat memuaskan. Tiada kesalahan.
A B C D
- v. Pak Samad dan keluarga telah lama melaksanakan perniagaan memproses gamat untuk
dijadikan minyak. Tiada kesalahan.
A B C D
- vi. Tindakan tentera Jepun yang kejam telah membakarkan semangat masyarakat tempatan
untuk berjuang. Tiada kesalahan.
A B C D
- vii. Muthusamy mengira-ngira sama ada ingin melanjutkan pelajaran di universiti tempatan
atau di luar negara. Tiada kesalahan.
A B C D
- viii. Fikiran Raja terhuyung-hayang kerana terkenang akan keluarganya yang berada di
London. Tiada kesalahan.
A B C D
- ix. Sepasukan polis menyerbu kondominium mewah itu apabila menerima maklumat
tentang kegiatan pengedaran dadah. Tiada kesalahan.
A B C D
- x. Ayah mengambil segenggam kunci di dalam laci lalu diberikan kepada Pak Ali untuk
dibersihkan. Tiada kesalahan.
A B C D

SOALAN 5

Pilih peribahasa yang paling sesuai bagi pernyataan yang berikut.

(5 markah)

- A: sediakan payung sebelum hujan
- B: tangan terbuka
- C: siapa makan cili dia berasa pedasnya
- D: sudah jatuh ditimpa tangga
- E: seperti katak di bawah tempurung
- F: keluar mulut harimau, masuk mulut buaya.
- G: jika ular menyusur akar sekalipun tak akan hilang bisanya
- H: melentur buluh biar dari rebungunya
- I: kerbau dicucuk hidung
- J: seperti enau dalam belukar

- i. Kedatangan tetamu ke majlis perkahwinan Encik Joseph disambut dengan _____ oleh kaum keluarga.
- ii. Pakcik Guna mengingatkan kami supaya menabung wang sebagai persediaan sekiranya menghadapi masalah kelak.
- iii. Sikap Mei Lan yang sukar untuk menerima perubahan yang berlaku menyebabkan dia berfikiran tertutup _____.
- iv. Generasi Z merupakan aset penting kepada negara. Oleh itu seharusnya ibu bapa memberikan panduan yang jelas sejak kecil, ibarat _____.
- v. Perbincangan itu tidak sebulat suara kerana setiap ahli berpegang kepada pendirian sendiri. Sikap mereka _____.

SOALAN 6

Pilih jawapan yang paling tepat.

(5 Markah)

- i. Puan Fatimah _____ periuk tembaga itu sehingga berkilat sebelum disimpan di dalam almari kaca.
 - A. menyapu
 - B. menggosok
 - C. menggilap
 - D. mengelap

- ii. Anaknya sangat gembira _____ mendapat tahu bahawa mereka akan pulang ke kampung.
- A. kerana
 - B. disebabkan
 - C. justeru
 - D. apabila
- iii. Puan Ainun mengambil _____ tikar yang disandarkan pada dinding untuk dibentangkan di ruang tamu.
- A. sebidang
 - B. segulung
 - C. sehelai
 - D. segolong
- iv. Pihak polis meminta orang ramai _____ memberikan maklumat untuk membantu kes kemalangan lari.
- A. tampil
 - B. keluar
 - C. muncul
 - D. datang
- v. “Saya hendak _____ batalkan temu ramah saya bersama pihak media esok,” kata Dato’ Siva kepada setiausahanya.
- A. dikau
 - B. engkau
 - C. kamu
 - D. awak
- vi. Muthu bersama kawan-kawannya menghirup udara segar di tepi pantai _____ menikmati ais kacang.
- A. lalu
 - B. atau
 - C. sambil
 - D. sementara
- vii. _____ lajunya Ganesh menunggang motosikalnya!.
- A. Ah
 - B. Oh
 - C. Wah
 - D. Nah

- viii. Perempuan yang memakai kot merah itu _____ moderator yang diundang dalam program tersebut.
- A. bukan
 - B. tidak
 - C. ialah bukan
 - D. adalah tidak
- ix. Semangat _____ semakin hilang dalam kalangan masyarakat kini.
- A. jiran
 - B. jiranan
 - C. berjiran
 - D. kejiranan
- x. Pandalela Rinong dinobatkan sebagai _____ terbaik dalam acara terjun.
- A. sasterawati
 - B. olahragawati
 - C. peragawati
 - D. seniwati

Bahagian D
[25 Markah]

Bahagian ini terdiri daripada empat bahagian soalan. Anda dikehendaki menjawab semua soalan.

SOALAN 7

Berdasarkan sajak di bawah, jawab soalan yang berikutnya.

(5 Markah)

RUMPUT

Baru saja hendak mendongak
aku sudah dipijak
baru saja hendak berbedak
diserbu debu menutup muka
cuaca panas angin kering
ditambah lagi bau busuk asap lori
sesak nafas bagai menunggu mati
mujur embun pagi membersihkan diri.

Baru saja tangan hendak menari
datang pemotong rumput
lalu dipotongnya jari doa
si pemotong rumput
cepat panjang
cepat dapat wang!

Nasib rumput di tepi jalan
tak sehijau rumput di padang.

(Dipetik daripada Antologi Harga Sebuah Lukisan, DBP 2011,
Rumput: Khatijah Hashim)

- i. Perkara utama yang ingin disampaikan oleh penyair, ialah ...
- A. kepentingan berbuat jasa dalam kehidupan seharian.
 - B. Tuhan akan membalas kebaikan yang dilakukan oleh seseorang.
 - C. kehidupan manusia yang bernasib malang akibat kelemahan diri.
 - D. ketinggian darjat orang yang sentiasa membuat kebaikan di sisi Tuhan.

*Nasib rumput di tepi jalan
Tak sehijau di padang*

- ii. Maksud rangkap di atas menggambarkan bahawa ...
- A. rumput di tepi jalan berbeza dengan rumput di kawasan padang yang hijau.
 - B. rumput di mana-mana padang semuanya sama.
 - C. keadaan rumput yang semuanya sama panjang.
 - D. kerja-kerja memotong rumput dijalankan.
- iii. Apakah tema yang ingin disampaikan oleh penulis?
- A. Kehidupan yang lebih baik.
 - B. Cerita kehidupan sang rumput.
 - C. Kehidupan pemotong rumput.
 - D. Kehidupan manusia yang bernasib malang.
- iv. Persoalan yang terdapat dalam sajak di atas ialah ...
- A. serabut
 - B. keliru
 - C. berputus asa
 - D. ketabahan dalam menghadapi cabaran hidup
- v. Apakah gaya bahasa yang digunakan dalam syair di atas?
- A. Sinkope
 - B. Personifikasi
 - C. Metafora
 - D. Simili

Soalan 8

Baca cerpen di bawah dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

(5 Markah)

Wanita tabah ini pernah perih dimamah malang. Siapa sangka suami yang kuat beragama tiba-tiba dituduh pengedar dadah? Siapa sangka, Lebai Sidi dikatakan musuh dalam selimut? Siapa sangka, ketika kandungan baru dua bulan, ayah bagi bayi itu telah dipenjarakan?

“Ayah kamu telah dikhianati, nak. Dalam perjalanan ke pekan, ayah ditahan polis. Puas menggeledah, sebungkus dadah dijumpai di bawah kusyen kereta ayah. Ayah lantas digari. Ayah betul-betul tiada bukti untuk menyanggah tuduhan itu. Lagipun kami mana ada duit nak upah peguam?” bonda berjeda dengan getaran suara.

“Masa bonda mengandung tujuh bulan, ayah kamu meninggal dunia di penjara kerana sakit jantung. Sejak itu bonda asyik menangis dan menangis. Bonda amat buntu dan hampir gila jadinya. Malahan, bonda pernah cuba menggugurkan kandungan, tetapi dihalang oleh arwah atuk kamu. Agaknya...adik kamu jadi begitu kerana bonda tidak pernah tenteram masa mengandungkannya.” Begitulah suatu hari bonda menghikayatkan riwayat hidupnya kepada saya dan kakak kembar. Maklumlah, masa kejadian itu, masing-masing masih berhingus.

Pastinya pada saat itu, bonda bagaikan terhumban ke jurang zulmat. *Bonda bagaikan tercampak ke pulau hana.* Masyarakat mencerlung hina.

“Percayalah suatu hari nanti adik akan berubah, Cik.” Bonda menyuakan harapan setelah melihat saya hampir menaikkan bendera putih.

“Cik ... semua orang hendak ke puncak, tapi semasa mendaki, kita mesti sanggup jatuh tergelincir. Jadi, sebelum dapat membawa adik ke puncak impian bonda, kita mesti sanggup hadapi kerenah adik.” Begitulah coretan kak long dalam utusan rindunya dari perantauan.

(Dipetik daripada cerpen *Mutiara Bonda*,
Antologi Harga Sebuah Lukisan, DBP, 2012)

- i. Mengapakah Lebai Sidi dianggap sebagai musuh dalam selimut?
 - A. Ditangkap kerana mengedarkan dadah.
 - B. Dipenjarakan akibat fitnah.
 - C. Hanya berpura-pura sebagai seorang yang kuat beragama.
 - D. Meninggal dunia di dalam penjara akibat sakit jantung.
- ii. Berdasarkan petikan, apakah harapan bonda terhadap adik?
 - A. Mengikut jejak langkah kanak-kanaknya melanjutkan pelajaran ke menara gading.
 - B. Menjadi seperti ayahnya.
 - C. Tidak terlibat dalam masalah sosial.
 - D. Berubah sikap dan mencapai impian bonda.

Bonda bagaikan tercampak ke pulau

- iii. Unsur gaya bahasa yang terkandung dalam petikan di atas ialah
- A. simile
 - B. peribahasa
 - C. sinkope
 - D. metafora
- iv. Yang berikut merupakan perwatakan bonda berdasarkan petikan, **KECUALI**
- A. penyayang
 - B. pemurah
 - C. tabah
 - D. berkeyakinan
- v. Cerpen di atas bertemakan?
- A. Keinginan remaja untuk hidup bebas.
 - B. Kegigihan dan kesabaran seorang ibu dalam mendidik anaknya sehingga berjaya.
 - C. Kegigihan remaja dalam mengejar impian untuk berjaya.
 - D. Kepentingan menuntut ilmu dalam kehidupan.

SOALAN 9

- i. Apakah tema sajak bagi "*Orang Tua*"?
- (3 Markah)
- ii. Apakah nilai yang terdapat dalam sajak "*Orang Tua*"?
- (3 Markah)
- iii. Berikan dua persoalan yang terdapat dalam sajak "*Orang Tua*"?
- (a)
- (b) (3 Markah)

SOALAN 10

Berdasarkan kajian Antologi Harga Sebuah Lukisan, huraikan pengajaran yang terdapat dalam cerpen “*Harga Sebuah Lukisan*”.

(6 Markah)

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

KERTAS SOALAN TAMAT